

Peningkatan penagih dadah luar bandar membimbangkan

October 12, 2015, Monday



Masir (tiga kiri) memukul gong sambil diperhatikan Snowdan (dua kiri), Joseph (kiri), Suhaimi (empat kanan), Yunus (tiga kanan), Lanyau (dua kanan) dan Wan Madihi (kanan) merasmikan program berkenaan

Ia berikutan peningkatan sebanyak 13.4 peratus direkodkan sehingga Ogos

Oleh Kelvin Lambai //

SRI AMAN: Jumlah penagih dadah daripada kalangan remaja di luar bandar semakin membimbangkan berikutan peningkatan sebanyak 13.4 peratus direkodkan sehingga Ogos lalu.

Ini diakui Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Malaysia Datuk Suhaimi Abdullah. Menurutnya, statistik direkodkan AADK bermula Januari hingga Ogos 2014 menunjukkan terdapat seramai 13,514 penagih dadah dan bermula Januari hingga Ogos tahun ini, jumlah penagih seluruh negara meningkat kepada 15,322 orang.

“Ini menunjukkan peningkatan penagih sebanyak 13.4 peratus iaitu 1,808 orang sehingga Ogos tahun ini jika dibandingkan dengan statistik direkodkan sehingga Ogos 2014.

“Golongan paling ramai adalah kalangan belia iaitu seramai 11,136 orang pada tahun ini dan penagih ini kebanyakannya berusia di antara 19 hingga 39 tahun,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Pendidikan Pencegahan Dadah Kenali Anak Kita Peringkat Negeri di Rumah Lanyau, Kampung Pantu di sini kelmarin.

Perasmian program itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri merangkap Ahli Parlimen Sri Aman Masir Kujat.

Suhaimi menambah, statistik penagih dadah di kalangan remaja direkodkan dari Januari hingga Ogos 2014 ialah seramai 333 orang. Meningkat kepada 343 orang dalam tempoh sama tahun ini.

Katanya antara faktor utama mendorong golongan ini terlibat dadah adalah disebabkan pengaruh rakan sebaya, ingin mencuba, ingin mendapat hiburan dan senang diperolehi.

“Berikutan faktor tersebut, kita mengambil pendekatan membantu negara menangani permasalahan ini dengan memberi kesedaran kepada ibu bapa pelajar akan bahaya dadah di samping memberi pendedahan awal kepada remaja supaya tidak terlibat musuh nombor satu negara.

“Di samping itu, kita turut mengenal pasti sekolah-sekolah luar bandar berisiko penagihan dadah dengan memperkenalkan pelbagai program bagi menangani gejala dadah,” jelasnya.

Di Sarawak, sebanyak 187 sekolah menengah berisiko dengan dadah.

“Pendekatan diambil dengan menganjurkan pelbagai program kesedaran kepada para pelajar di sekolah yang dikenal pasti,” katanya.

Sementara itu, Masir berkata kerajaan mengharapkan masalah dadah di kalangan masyarakat dapat dibanteras sekeras-kerasnya dengan kerjasama semua pihak termasuk masyarakat, pihak sekolah serta agensi kerajaan.

“Kerajaan mahu negara ini bebas dadah menjelang 2025 dan untuk mencapai sasaran ini, semua pihak harus berganding bahu membendung masalah ini,” katanya.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Balai Ringin Snowdan Lawan, Presiden PENGASIH Malaysia Datuk Yunus Pathi, Pengarah AADK Sarawak Wan Madihi Wan Salleh serta Timbalan Residen Bahagian Sri Aman Joseph Liau.